



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 10 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	SYOR JADIKAN WANITA UMPAMA 'ALAT' SELESAIKAN MASALAH SOSIAL MERENDAHKAN MARTABAT WANITA - NANCY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260892	BERNAMA.COM
	https://borakdaily.com/menteri-kpwkm-tegaskan-idea-buka-rumah-pelacuran-rendahkan-martabat-wanita/	BORAKDAILY.COM
	https://bebasnews.my/2024/01/09/cadangan-wujud-rumah-pelacuran-tidak-boleh-diterima-sama-sekali/	BEBASNEWS.MY
	https://www.wilayahku.com.my/cadangan-gurauan-tidak-sensitif-terhadap-wanita-tidak-boleh-dinormalisasikan/	WILAYAHKU.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/cadangan-buka-rumah-pelacuran-merendahkan-martabat-wanita/	BULETINTV3.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/09/cadangan-itu-rendahkan-martabat-wanita-nancy/	TVSARAWAK.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643496/berita/nasional/cadangan-rosyam-noor-rendahkan-martabat-wanita---nancy	SINARHARIAN.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/nancy-treating-women-as-a-tool-to-address-social-problems-is-demeaning-GP11964828	THESUN.MY
	https://selangorjournal.my/2024/01/treating-women-as-tools-to-address-social-problems-demeaning-minister/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/09/treating-women-as-a-tool-to-address-social-problems-is-demeaning-says-nancy	THESTAR.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/treating-women-tool-address-social-problems-demeaning-nancy-453336	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	TABURAN HUJAN LUAR BIASA SELAMA DUA HARI PUNCA KOTA TINGGI BANJIR - AHMAD ZAHID	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260953	BERNAMA.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MALAYSIA TIDAK SESEKALI BENARKAN RUMAH PELACURAN DIBUKA: FAHMI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/09/malaysia-tidak-sesekali-benarkan-rumah-pelacuran-dibuka-fahmi	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/999123/minister-lambasts-veteran-actor-over-indecent-prostitution-den-proposal	NST.COM.MY
	https://www.edisi9.com.my/2024/01/cadangan-rosyam-nor-rendahkan-martabat-wanita-nancy/	EDISI9.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/09/responding-to-actor-rosyam-nors-brothel-proposal-for-foreigners-nancy-shukri-says-treating-women-as-a-tool-to-address-social-problems-is-demeaning/111468	MALAYMAIL.COM
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2024/01/1198054/pu-syed-tolak-saranan-rosyam-pusat-pelacuran-penyebab-perbuatan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643419/berita/nasional/cadangan-rumah-pelacuran-untuk-warga-asing-tingkat-kes-jenayah-maksiat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiatribune.news/2024/01/09/pusat-pelacuran-mufti-tempelak-cadangan-rosyam-nor/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	https://ismaweb.net/2024/01/09/syor-buka-rumah-pelacuran-bertentangan-perundangan-sivil-syariah/	ISMAWEB.NET
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/buka-rumah-pelacuran-untuk-kurang-kes-rogol-tidak-berasas	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ROSYAM APOLOGISES OVER BROTHELS-FOR-MIGRANTS SUGGESTION	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/09/rosyam-apologises-over-brothels-for-migrants-suggestion/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/rosyam-mohon-maaf-kecelaruan-cadangan-buka-rumah-pelacuran/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/isu-sokong-rumah-pelacuran-rosyam-noor-minta-maaf/	KOSMO.COM.MY
	https://staging.suria.my/terkini/viral/video-cadang-pusat-pelacuran-rosyam-nor-mohon-maaf-perjelas-hanya-promo-podcast-di-youtube/	STAGING.SURIA.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/langgar-ajaran-islam-menteri-kecam-cadangan-rosyam/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/692577	MALAYSIAKINI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PEMUDA ROMPAK, TUNJUK KEMALUAN KEPADA GADIS DIPENJARA 24 BULAN, KENA DUA SEBATAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/09/pemuda-rompak-tunjuk-kemaluan-kepada-gadis-dipenjara-24-bulan-kena-dua-sebatan	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BILIK GERAKAN PKOB NEGERI BEROPERASI 24 JAM – ZULKIFLI	
	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/bilik-gerakan-pkob-negeri-beroperasi-24-jam-zulkifli/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MANGSA BANJIR KELAPARAN MAKANAN SAMPAI LEWAT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/643410/edisi/johor/mangsa-banjir-kelaparan-makanan-sampai-lewat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048581/makanan-tengah-hari-mangsa-banjir-di-pps-sjkt-tajul-lambat-6-jam	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197942/sikap-pembekal-tak-cakna-punca-mangsa-banjir-berlapar-di-pps	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KES ZAYN RAYYAN: SIASATAN HAMPIR 90 PERATUS, PDRM AKAN MULAKAN TANGKAPAN BERDASARKAN RISIKAN – KPN	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kes-zayn-rayyan-siasatan-hampir-90-peratus-pdrm-akan-mulakan-tangkapan-berdasarkan-risikan-kpn/	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	TREND JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK MEMBIMBANGKAN	
	https://malaysiagazette.com/2024/01/09/trend-jenayah-seksual-kanak-kanak-membimbangkan/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260886	BERNAMA.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/110-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-bawah-6-tahun-dilapor-tahun-lalu/	BULETINTV3.MY
	https://www.wilayahku.com.my/bheuu-kpm-atur-strategi-atasi-isu-kekurangan-pelaporan-jenayah-seksual-terhadap-kanak-kanak/	WILAYAHKU.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MENTERI PEMBANGUNAN WANITA INDIA KAGUM PENGURUSAN HAJI MALAYSIA	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/menteri-pembangunan-wanita-india-kagum-pengurusan-haji-malaysia/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KES BUANG BAYI, SALAH SIAPA?	
	https://www.sinarharian.com.my/article/643344/suara-sinar/analisis-sinar/kes-buang-bayi-salah-siapa	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	ROGOL 2 ANAK: PENJARA 428 TAHUN, 240 SEBATAN DIKETEPI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/rogol-2-anak-penjara-428-tahun-240-sebatan-diketepi/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
13	LELAKI DITAHAN CABUL REMAJA DI RUMAH	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/lelaki-ditahan-cabul-remaja-di-rumah/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-ditahan-cuba-cabul-remaja-lelaki-tingkatan-satu/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048567/lelaki-ditahan-cabul-remaja	HMETRO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/998954/41-year-old-man-remanded-sexually-harassing-teenage-boy	NST.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643390/berita/semasa/beri-rm20-selepas-cabul-remaja-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/beri-rm20-selepas-cabul-remaja-lelaki-453243	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/09/lelaki-cabul-kanak-kanak-13-tahun-ditahan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/09/man-nabbed-for-molesting-teenage-boy-in-batu-caves	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	AMANG SEKSUAL PELAJAR, WARDEN MADRASAH DIPENJARA 7 TAHUN	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/09/amang-seksual-pelajar-warden-madrasah-dipenjara-7-tahun/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1198125/pesalah-seksual-dinasihat-minta-maaf-kepada-mangsa-sebelum-dijatuhi	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048733/pergilah-jumpa-pelajar-minta-maaf-hakim	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=EY1uTcmpRQw	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=IPXT7jPwDJc	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
15	MENGAKU ROGOL ANAK TIRI, BURUH DIPENJARA 10 TAHUN, 10 SEBATAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048759/mengaku-rogol-anak-tiri-buruh-dipenjara-10-tahun-10-sebatan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/buruh-rogol-anak-tiri-dipenjara-sebat/	UTUSAN.COM.MY
	https://mykmu.net/2024/01/09/tergamak-rogol-anak-tiri-baru-berusia-13-tahun/	MYKMU.NET



SYOR JADIKAN WANITA UMPAMA 'ALAT' SELESAIKAN MASALAH SOSIAL MERENDAHKAN MARTABAT WANITA - NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

09/01/2024 06:19 PM

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) – Mana-mana syor yang meletakkan wanita umpama 'alat' untuk menyelesaikan masalah sosial dilihat sebagai merendahkan martabat wanita, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

"Cadangan ataupun gurauan yang tidak sensitif terhadap wanita tidak boleh dijadikan normalisasi, apatah lagi ia bercanggah daripada pelbagai sudut, sama ada dari sudut undang-undang, nilai kekeluargaan, budaya dan agama," katanya dalam kenyataan hari ini, merujuk kepada satu kenyataan dalam siaran audio siar (*podcast*) seorang pelakon tempatan.

Pelakon terkenal tanah air Datuk Rosyam Nor menerusi audio siar Hitam Putih Kehidupan yang dimuat naik ke TikTok Suhan Channel berkata pusat pelacuran perlu ada untuk 'kemudahan' warga asing lelaki yang kebanyakannya meninggalkan isteri di negara mereka.

Nancy berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan sifar toleransi terhadap sebarang bentuk keganasan terhadap wanita sama ada secara fizikal, seksual, emosi, mahupun psikologi dan pendirian itu didukung

KPWKM sentiasa fokus kepada usaha memperkasa wanita dan mengurusperdanakan gender di samping menyediakan ekosistem terbaik dan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan wanita mempunyai peluang yang adil sama seperti peluang yang dimiliki oleh golongan lelaki, katanya.

"Saya percaya rakyat Malaysia adalah rakyat berilmu dan bertamadun dan kita perlu bertindak dengan lebih baik dan bijak di masa hadapan terutamanya untuk menonjolkan contoh yang terpuji kepada generasi kita akan datang," katanya.



TABURAN HUJAN LUAR BIASA SELAMA DUA HARI PUNCA KOTA TINGGI BANJIR - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir ketika melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (kir). --fotoBERNAMA (2023) HAK CIPTA TERPELIHARA

09/01/2024 09:01 PM

KOTA TINGGI, 9 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata taburan hujan luar biasa pada 4 dan 5 Jan yang melebihi taburan hujan bulanan dikenal pasti sebagai punca kejadian banjir di daerah itu sejak Ahad lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara itu berkata keadaan diburukkan lagi dengan pertembungan fenomena air pasang besar yang menyebabkan air hujan tidak dapat disalurkan ke laut.

Sungguhpun begitu, beliau memuji usaha kerajaan negeri yang mengambil tindakan proaktif dengan melakukan persediaan tiga hari lebih awal sebelum banjir melanda berpandukan ramalan cuaca dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Apa yang penting kerajaan negeri telah mengkoordinasikan tindakan mereka melalui Pusat Kawalan Operasi Banjir di peringkat negeri dan daerah sebelum hujan lebat berkenaan berlaku," katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (Nadma) juga telah menyalurkan wang bantuan mangsa banjir sebanyak RM50 juta kepada kerajaan negeri dan berharap ia akan diagih secepat mungkin.

"Saya mahu wang ini diagihkan sebelum mangsa banjir ini pulang ke rumah agar ia boleh digunakan untuk membeli barangan yang rosak dan makanan," katanya.

Ahmad Zahid juga berkata kerajaan negeri melalui Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi telah mencadangkan pembinaan projek tebatan banjir di lembangan Sungai Johor yang merupakan kawasan penempatan kira-kira 10,000 orang.

Justeru, beliau akan membawa cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk diperhalusi.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu juga telah mengarahkan Nadma agar membeli 20 unit sistem penapisan air mudah alih (m-WFS) ciptaan SIRIM Bhd untuk digunakan di kawasan yang terputus bekalan air bersih akibat banjir.

"Hari ini kita telah menerima tiga unit penapis air ini dan berikutan produk ini bukan lagi di peringkat prototaip tetapi telah dikomersilkan, saya mahu Nadma beli 20 unit untuk digunakan jika perlu dan sebagai simpanan," katanya.

Ahmad Zahid berkata beliau juga mahu SIRIM menghasilkan pam berkuasa tinggi untuk digunakan oleh pihak berkuasa bagi mengalirkan air banjir ke sungai untuk mengatasi banjir termenung.

Beliau berkata meskipun kerajaan telah meluluskan pembelian pam air berkuasa tinggi bagi kegunaan di Kota Tinggi, Segamat dan Batu Pahat pada tahun lepas oleh Nadma, ia belum sampai kerana perlu melalui prosedur perolehan selain dibeli dari luar negara.

"Dengan penghasilan pam ini, diharap kita dapat memperolehnya dengan segera dan pembeliannya tidak perlu melalui prosedur perolehan seperti biasa yang melibatkan ejen dan pihak komersil, pembeliannya boleh dilakukan secara terus dengan pengeluar," katanya.

Timbalan Perdana Menteri itu memaklumkan Angkatan Tentera Malaysia turut menggerakkan aset serta anggota batalion artileri dan infantri untuk membantu mangsa banjir di sini.

Setakat 6 petang tadi, terdapat sejumlah 7,909 mangsa banjir daripada 2,192 keluarga direkodkan di Johor dan masih berada di 53 pusat pemindahan sementara di enam daerah yang terjejas.



Malaysia tidak sesekali membenarkan rumah pelacuran dibuka: Fahmi

© 2024-01-09T20:49:35+08:00



Fahmi bercakap pada sidang media selepas program Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular (Panggilan Suara) di Kementerian Komunikasi hari ini. - Gambar BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia tidak sesekali akan membenarkan rumah pelacuran dibuka, kerana undang-undang negara jelas tidak membenarkan perkara itu berlaku, kata Jurucakap Kerajaan Perpaduan Fahmi Fadzil.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi berkata apa jua perkara yang ingin dilaksanakan di negara ini perlu dibuat berdasarkan undang-undang yang telah termaktub.

"Kita kena ikut undang-undang. Tak boleh di Malaysia, tidak dibenarkan rumah pelacuran... tak boleh," katanya semasa mengulas kenyataan pelakon terkenal tanah air Rosyam Nor menerusi audio siar (podcast) Hitam Putih Kehidupan yang menyarankan pusat pelacuran disediakan untuk 'kemudahan' warga asing lelaki yang kebanyakannya meninggalkan isteri di negara mereka.

Ketika ditemui selepas sesi ujian kualiti perkhidmatan selular (panggilan suara) di sini hari ini, Fahmi turut bersetuju dengan pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar bahawa cadangan pembukaan rumah pelacuran itu bertentangan dengan peruntukan undang-undang sivil dan syariah.

"Saya rasa jawapan daripada menteri agama itu beri kita ruang untuk muhasabah. Saya setuju dengan pandangan menteri agama, tidak boleh perkara ini," katanya.

Mohd Na'im dalam kenyataan hari ini berkata cadangan membuka rumah pelacuran kepada warga asing sebagai langkah mengurangkan kes rogol dalam negara ini seperti yang diutarakan seorang pelakon tidak boleh diterima sama sekali.

Ditanya adakah kerajaan akan mengawal selia (*regulate*) kandungan podcast, Fahmi berkata; "Kita tiada rancangan mengenainya setakat ini, tapi anda baru saja berikan saya satu idea".

Sementara itu ketika diminta mengulas dakwaan pemimpin parti politik (PN) terbabit dalam cubaan merasuah individu berpengaruh dan Ahli Parlimen untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan, Fahmi berkata perkara berkenaan berada dalam siasatan pihak berkuasa dan pihaknya memandang serius dakwaan itu. - BERNAMA



Rosyam apologises over brothels-for-migrants suggestion

Actor and entrepreneur Rosyam Nor says the clip of him making the remarks was part of a promotional video for a podcast.

FMT Reporters - 09 Jan 2024, 5:21pm

33 Shares [Share](#) [Tweet](#) [Share](#) [Email](#)



Actor and entrepreneur Rosyam Nor urged the public to view the entire podcast to understand the context of his suggestion. (Bernama pic)

PETALING JAYA: Actor and entrepreneur Rosyam Nor has apologised for suggesting that there should be brothels to cater to the foreign workers in the country, saying he did not expect the matter to go viral.

“Whatever it is, I firstly would like to apologise because I didn’t expect the matter to go viral,” he said in a video posted on Instagram.

He said the clip of him making the remark was a promotional video for a podcast called “Hitam Putih”.

Rosyam urged the public to view the entire podcast to understand the context of his suggestion.



In a 50-second video posted by Berita Harian on X (formerly Twitter) yesterday, Rosyam was heard saying that brothels were a necessity for Malaysia.

Asked to clarify his statement, Rosyam referred to the over three million migrant workers who had come to Malaysia “leaving behind their wives”.

He said without a proper outlet to “release their urges”, the workers might target and “rape our women and children”.

In response, religious affairs minister Na’im Mokhtar shot down the actor’s suggestion, describing it as “unacceptable” and that it “must be rejected by all”.

Na’im said when seeking solutions, one vice could not negate another, emphasising that Rosyam’s suggestion blatantly violated both civil and shariah laws, in addition to contravening Islamic teachings.


“The public is advised not to make any statement that may cause controversy or raise issues conflicting with Islamic teachings,” he said in a statement.

Na’im pointed out that prostitution was an offence under Sections 372, 372A, 372B, and 373 of the Penal Code. It is also a crime under the Syariah Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997.

Rosyam’s suggestion also received flak from women, family and community development minister Nancy Shukri, who described the notion of using women as a tool to solve social ills as “demeaning”.

Rosyam’s suggestion also received flak from women, family and community development minister Nancy Shukri, who described the notion of using women as a tool to solve social ills as “demeaning”.

She stressed that suggestions or insensitive jokes made at the expense of women should not become a norm, especially when they contradicted religious, legal, and familial values.



Pemuda rompak, tunjuk kemaluan kepada gadis dipenjara 24 bulan, kena dua sebatan

© 2024-01-09T16:46:15+08:00



Tertuduh (kiri) diiring pihak penjara keluar dari kamar Mahkamah Sesyen selepas dijatuhkan hukuman.

KUCHING: Padah merompak seorang gadis berusia 23 tahun dan menunjukkan kemaluan terhadap mangsa semasa kejadian, seorang pemuda dipenjara 24 bulan dan dikenakan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Hakim Iris Awen Jon memerintahkan hukuman penjara bagi pesalah muda berusia 20 tahun itu dikuatkuasakan mulai hari ini.

Beliau memutuskan demikian setelah meneliti fakta dan keterangan kes, mendengar laporan sosial yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semalam dan meneliti penghujahan dikemukakan pihak pendakwaan.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh didenda atau disebat jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 23 Februari 2023, sekitar jam 9.15 malam berhampiran sebuah premis di Taman Desa Wira, Jalan Stephen Yong di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa didatangi tertuduh yang menunjukkan kemaluannya sambil meminta wang, membuatkan mangsa panik.

Tertuduh kemudiannya tiba-tiba menarik beg sandang mangsa dan bertindak melarikan diri.


Di dalam beg sandang tersebut terdapat beberapa dokumen penting seperti kad pengenalan, kad ATM, kad pelajar dan wang tunai RM300.

Mangsa kemudiannya pergi ke balai polis untuk membuat laporan dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 26 Februari 2023.

Dalam pada itu, mahkamah semasa prosiding turut dimaklumkan bahawa tertuduh pada 25 Mei 2023 diperintahkan oleh Mahkamah Majistret Kuching untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo sehingga berusia 21 tahun.

Hukuman itu dijatuhkan selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan pencerobohan jenayah di bawah Seksyen 447 Kanun Keseksaan, mencabul seorang wanita warganegara asing (Seksyen 354 Kanun Keseksaan) dan mengaibkan kehormatan empat wanita berbeza dengan cara menunjukkan kemaluannya kepada mangsa (Seksyen 509 Kanun Keseksaan).

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian sementara tertuduh tidak diwakili peguam.



Bilik Gerakan PKOB Negeri beroperasi 24 jam – Zulkifli

Oleh Syahira Yahya - 9 January 2024



Datuk Seri Zulkifli Yaacob

KUANTAN – Bilik Gerakan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri Pahang di Aras 7 Blok B Wisma Sri Pahang, di sini, beroperasi 24 jam bermula hari ini.

Setiasaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Zulkifli Yaacob berkata, pembukaan bilik gerakan yang menempatkan beberapa kolaborasi jabatan dan agensi terbabit pengurusan banjir itu dilakukan berikutan peningkatan bilangan pusat pemindahan semanara (PPS) di tiga daerah.

"Ia juga bagi memantau trend peningkatan paras air sungai di negeri ini, bagaimanapun keadaan banjir terkawal," katanya ketika dihubungi *MalaysiaGazette*, hari ini.

Antara jabatan dan agensi yang sentiasa bersiap sedia di bilik gerakan ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sebanyak 21 PPS telah dibuka bagi menempatkan 1,075 mangsa banjir daripada 305 keluarga di daerah Pekan, Rompin dan Maran setakat jam 8 malam tadi.

Sementara itu, Zulkifli berkata, aktiviti pengagihan bantuan dan kerja-kerja pembersihan pasca banjir di Pahang perlu melalui pusat PKOB setiap daerah bagi mengelakkan pertindanan kerja.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan mengenai banjir di Pahang boleh menghubungi talian PKOB Negeri Pahang 09-5124532, 09-5124553, atau 09-5124567. – *MalaysiaGazette*



Mangsa banjir kelaparan makanan sampai lewat

Oleh NOR AZURA MD AMIN [Follow](#) 09 Januari 2024 12:11pm Masa membaca: 1 minit



Norlizah melawat mangsa di PPS SJKT Tajul. - Foto Facebook Norlizah

KOTA TINGGI - Makan tengah hari yang tiba lewat di Pusat Penempatan Sementara (PPS), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Tajul, pada Isnin, menyebabkan 224 mangsa banjir daripada 67 keluarga yang berlindung di situ terpaksa menahan lapar lebih enam jam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Lama, Norlizah Noh berkata, makanan siap dimasak dihantar selepas pihaknya meminta pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyegerakan penghantaran makanan ke PPS berkenaan.



Norlizah melawat mangsa di PPS SJKT Tajul. - Foto Facebook Norlizah

Exco Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi negeri, menjelaskan makanan tengah hari tiba di PPS itu pada jam 6 petang.

"Saya dimaklumkan di PPS ini terdapat kelewatan penghantaran makanan. Jadi, saya minta Pegawai JKM menghubungi pembekal makanan dan hantar dengan segera

"Alhamdulillah pembekal makanan menghantar 280 pek makanan pada jam 6 petang. Saya harap perkara sebegini tidak berulang kerana ramai anak-anak kecil serta warga emas berlapar akibat sifat acuh tak acuh pembekal makanan," katanya dalam muat naik di Facebooknya pada Selasa.

Setakat pagi Selasa, Kota Tinggi masih mencatatkan jumlah mangsa banjir yang tinggi dengan trend meningkat, seramai 4,707 orang membabitkan 1,289 keluarga ditempatkan di 26 PPS.



Kes Zayn Rayyan: Siasatan hampir 90 peratus, PDRM akan mulakan tangkapan berdasarkan risikan – KPN

09 Januari 2024, 6:57pm



KUALA LUMPUR: Siasatan ke atas kes pembunuhan misteri Zayn Rayyan Abdul Matiin hampir 90 peratus ketika ini jelas Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husin.

Ujarnya, pihak polis akan memulakan tangkapan berdasarkan risikan serta maklumat yang diterima menerusi siasatan konvensional dan saintifik yang dijalankan sebelum ini.

"Saya nak bagitau di sini berkenaan (kes) adik Zayn Rayyan segala usaha daripada konvensional siasatan daripada saintifik, forensik.

"Sekurang-kurangnya dah hampir 90 peratus kita dah lakukan secara bersungguh sungguh sejak kejadian 6 Disember sehingga malam ini ada mesyuarat dibuat oleh pihak bersama dengan Polis Selangor.

"Walaupun kita melihat data-data laporan forensik belum terima, sebab itu saya cakap melebihi 90 peratus, tapi kita melihat bahawa mungkin siasatan forensik kita itu juga berkesudahan secara negatif.

"Jadi saya dah berbincang dengan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Suhaily, kita sekarang ini ke arah mengumpulkan risikan-risikan untuk kita memulakan tangkapan ke atas suspek-suspek yang kita agak mempunyai lebih 50 peratus keterangan yang berdekatan,"katanya.

Tambahnya, beliau tidak menolak kemungkinan untuk memanggil semula ahli keluarga dan saksi kejadian untuk tujuan itu.

Mengulas mengenai motif sebenar pembunuhan terhadap Allahyarham Zayn Rayyan, jelasnya lagi ia masih dalam siasatan polis.

"Siasatan kes bunuh banyak, sebenarnya kita perlu melihat kepada motif, apakah motif. (Jika) kes bunuh motif pasal dadah, kita tahu. Kalau motif cemburu, kita tahu siapa nak cari.

"Kalau pergaduhan kita tahu siapa nak cari. Tapi setakat ini motif ini sangat penting, kalau kita lihat Allahyarham Zayn Rayyan ini budak 6 tahun cuma dia Autisme dan kita tak tahu apa motif untuk dia dibunuh sedangkan dia kanak-kanak Autisme,"katanya lagi.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada Selasa.

Turut hadir dalam sidang media itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain.



Trend jenayah seksual kanak-kanak membimbangkan

Oleh Khairulnuar Yahaya - 9 January 2024



Azalina Othman Said dan Fadhlina Sidek mengadakan mesyuarat bersama membentasi jenayah seksual kanak-kanak.

KUALA LUMPUR – Jenayah seksual kanak-kanak menunjukkan trend yang membimbangkan dengan sebanyak 110 kes melibatkan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun direkodkan tahun lalu.

Jumlah mangsa yang direkodkan antara 2017 hingga 2023 adalah sebanyak 6,990 dengan 1,570 kes pada tahun 2023 sahaja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, peratus besar mangsa berada dalam lingkungan umur 13 hingga 15 tahun.

Tegasnya salah satu cabaran besar dalam membentasi jenayah tersebut adalah isu kekurangan pelaporan kes terutamanya oleh kanak-kanak.

“Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, lebih daripada 80 peratus jenayah seksual terhadap kanak-kanak melibatkan individu yang dikenali oleh mangsa.

“Justeru, seluruh anggota masyarakat memainkan peranan yang penting untuk melindungi anak-anak kita daripada ancaman jenayah seksual yang semakin menjadi-jenjadi,” katanya dalam kenyataan.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang hari ini mengadakan mesyuarat mengenai isu tersebut dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM).

Ia turut dihadiri Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek dan wakil KPM, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia.

Pihak berkuasa juga sedang berusaha mewujudkan mekanisme pelaporan yang berkesan dan mesra kanak-kanak dalam menangani jenayah seksual terhadap kumpulan itu.


Bahagian Hal Ehwal Undang-undang akan memeterai Nota Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memudahkan pelaksanaan.

Kempen kesedaran bersifat menyeluruh melibatkan semua sektor dan agensi berkaitan akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Ia juga akan disebarluaskan di seluruh negara dengan matlamat untuk menekankan tanggungjawab setiap individu untuk melaporkan kejadian penderaan seksual kanak-kanak.

“Seksyen 19 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak [Akta 792] jelas memperuntukkan bahawa kegagalan untuk melaporkan jenayah ini merupakan satu jenayah dan peruntukan ini jelas menggambarkan betapa pentingnya bagi rakyat Malaysia menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam menangani isu ini.

“Kempen ini antara lain, akan melibatkan pendekatan *Training of Trainers*, di mana guru dan pemimpin masyarakat akan dididik untuk mengesan dan melaporkan kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang berlaku dalam persekitaran sekolah secara berkesan,” kata Azalina. -MalaysiaGazette



Menteri Pembangunan Wanita India kagum pengurusan haji Malaysia

Oleh KOSMO! 9 Januari 2024, 11:50 am



Mohd. Na'im (kanan) menerima kunjungan hormat Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Menteri Hal Ehwal Masyarakat Minoriti India di Arab Saudi semalam.

PETALING JAYA – Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Menteri Hal Ehwal Masyarakat Minoriti India, Smriti Zubin Irani kagum dengan pencapaian Malaysia sebagai salah satu agensi pengurusan haji terbaik di dunia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, perkara itu dinyatakan kepada beliau ketika menerima kunjungan hormat Smriti dan delegasi India di Arab Saudi semalam.


"Dalam pertemuan tersebut, delegasi India berkongsi berkenaan pengurusan haji di sana dan penambahbaikan yang berkaitan terutama kepada jemaah haji wanita.

"Mereka menyatakan rasa kagum dengan pencapaian Malaysia sebagai salah satu agensi pengurusan haji terbaik di dunia," katanya dalam satu hantaran di media sosial hari ini.

Mohd. Na'im berkata, dalam pertemuan tersebut, beliau turut berkongsi pengalaman Tabung Haji dalam pentadbiran urusan haji dan jemaah haji.

"Secara peribadi, saya menjemput Smriti dan delegasi India untuk datang ke Malaysia bagi melihat sendiri pengurusan haji," katanya.

Mohd. Na'im kini berada di Jeddah bagi memenuhi undangan kerajaan Arab Saudi yang menganjurkan Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah. – KOSMO! ONLINE



Kes buang bayi, salah siapa?

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS [Follow](#) 09 Januari 2024 08:30am Masa membaca: 1 minit



Gambar hiasan - Foto 123RF

JENAYAH pembuangan bayi masih berterusan walaupun undang-undang berat dikenakan terhadap pesalah apabila kes disiasat sebagai kes bunuh atau cubaan membunuh.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 256 kes pembuangan bayi direkodkan bagi tempoh dua tahun sepanjang 2020 hingga 2022.

Dalam kes terbaharu, sekumpulan pelajar tahfiz menemukan bayi perempuan baru lahir dalam sebuah kotak di pusat pengajian Islam di Rantau Panjang, Selama, Perak pada Sabtu lalu.

Susulan itu, dua pelajar sekolah menengah ditangkap bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut pada Ahad.


Adakah tindakan tersebut perlu dinormalisasikan oleh rakyat tempatan? Siapakah yang bersalah dalam kes pembuangan bayi dalam negara yang melibatkan remaja belasan tahun atau bawah umur?

Jadi, ibu bapa perlu memantau lebih kerap setiap pergerakan atau pergaulan anak-anak terutamanya jika menghantar mereka ke sekolah berasrama yang jauh daripada keluarga.

Biarpun kelihatan seperti mengongkong, tetapi tindakan tersebut lebih baik daripada menyaksikan anak-anak terlibat dengan jenayah.

Selain itu, guru juga perlu memainkan peranan penting dalam mendidik dan menasihati pelajar supaya tidak terjerumus dalam perzinaan.

Justeru, selain daripada mendidik dan mencegah perilaku jenayah tersebut daripada berleluasa, kerajaan perlu wujudkan lebih banyak pusat perlindungan anak dan ibu bagi menyelamatkan nyawa bayi yang tidak berdosa.



Rogol 2 anak: Penjara 428 tahun, 240 sebatan diketepi



SEORANG bapa dihukum penjara 428 tahun dan 240 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada 20 September 2022 atas 28 pertuduhan merogol, melakukan persetujuan luar tabii dan amang seksual terhadap dua anak kandungnya.

Doleh NORLIZAH ADAS, 9 Januari 2024, 8:00 am

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi Melaka mengetepikan hukuman penjara 428 tahun dan 240 sebatan terhadap seorang bapa atas 28 kesalahan seksual iaitu merogol, seks menggunakan objek, seks luar tabii dan amang seksual fizikal terhadap dua anak kandungnya.

Hakim Mohd. Radzi Abdul Hamid membenarkan rayuan bekas penyelia syarikat pemegang pelaburan itu terhadap hukuman dan menggantikannya penjara 37 tahun dan 24 sebatan maksimum.

Pada 20 September 2022, Mahkamah Sesyen Ayer Keroh menjatuhkan hukuman penjara 428 tahun dan 240 sebatan atas semua kesalahan itu. Hukuman diperintahkan berkuat kuasa serentak menjadikan lelaki itu hanya menjalani hukuman penjara 46 tahun.

Hakim Mohd. Radzi mengurangkan jumlah hukuman penjara selepas berpuas hati 46 tahun itu merupakan tempoh melampau setelah mengambil kira faktor usia dan keadaan fizikal serta kesihatan perayu.

"Mahkamah berpendapat perayu harus diberi peluang menikmati kebebasan ketika sisa hidupnya apabila keluar penjara dalam usia 81 tahun yang mana kemungkinan dia menjadi ancaman kepada masyarakat adalah kecil.

"Mahkamah berpendapat kemungkinan perayu boleh mengancam anak-anaknya yang sudah dewasa dan masyarakat pada usia lanjut adalah rendah," demikian menurut penghakiman bertarikh 2 Januari lalu yang diperoleh pihak media semalam.

Lelaki berusia 57 tahun itu didakwa di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Nariman Badruddin atas 21 pertuduhan merogol, lima pertuduhan melakukan seks menggunakan objek dan masing-masing satu pertuduhan seks luar tabii dan amang seksual fizikal.

Kesemua kesalahan dilakukan antara 24 September 2015 dan 5 September 2022 ketika kedua-dua mangsa mencecah usia 12 tahun di rumah mereka.

Hakim Mohd. Radzi berpuas hati perayu tidak diprejudiskan ketika hakim bicara menerima keterangan laporan bertulis Kenyataan Impak Mangsa (VIS) tanpa terlebih dahulu menerima permohonan mangsa dan keluarganya.

Hakim Mohd. Radzi bagaimanapun berpandangan, VIS hanya untuk membantu mahkamah memahami kesan dan akibat kesalahan dilakukan terhadap kehidupan mangsa dan keluarganya selain pencabulan tubuh mangsa kanak-kanak oleh bapa kandung merupakan aib besar kepada mana-mana mangsa dan keluarganya.

"Tidak susah untuk membayangkan cabaran dihadapi oleh anak yang masih muda untuk memberi gambaran lisan dalam mahkamah terhadap apa yang dilaluinya.

"Dalam hal ini, kesalahan dilakukan berulang kali dan mahkamah percaya kehadiran mangsa untuk memberi keterangan secara lisan sangat membebarkannya dan keluarga dari segi mental dan emosi," ujar hakim berkenaan. – UTUSAN



Lelaki ditahan cabul remaja di rumah

Polis berkata suspek memberi RM20 kepada mangsa selepas mencabulnya di rumah sendiri.

FMT Reporters - 09 Jan 2024, 11:16am

48
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



Polis berkata, suspek direman enam hari mulai Ahad lalu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

PETALING JAYA: Seorang lelaki ditahan kerana disyaki mencabul remaja 13 tahun di Jalan Laksamana, Batu Caves, Gombak, Jumaat lalu.

Ketua Polis Gombak Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata pihaknya menerima laporan daripada mangsa pada 12.01 tengah malam Sabtu lalu.

Katanya mangsa dipercayai dicabul lelaki tidak dikenali di bahagian kemaluan di rumah sewa suspek kira-kira 700m dari rumah mangsa.

Ketika kejadian, beliau berkata mangsa berjalan kaki pulang ke rumah bersendirian selepas membeli nasi lemak.


“Suspek seorang lelaki tempatan berusia 41 tahun menyapa dan mengajak mangsa menaiki motosikal lalu membawa mangsa pulang ke rumahnya,” katanya menurut Harian Metro.

Sejurus tiba di rumah, suspek membuka seluar lalu mencabul mangsa dan selepas selesai, lelaki terbabit memberi RM20 kepada mangsa yang melarikan diri dan pulang ke rumah.

Ariffin berkata, mangsa menceritakan kejadian itu kepada ibu bapanya, sebelum dibawa ke balai polis untuk membuat laporan.

“Bertindak atas maklumat, IPD Gombak menahan suspek pada 1.50 pagi kelmarin,” katanya sambil menambah suspek direman enam hari mulai kelmarin bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian boleh menghubungi pegawai penyiasat jenayah Faris Nur Shuhaini di talian 017-3166051 atau IPD Gombak 03-61262222 atau ke balai polis berhampiran.



Amang seksual pelajar, warden madrasah dipenjara 7 tahun

Tertuduh juga dihukum enam sebatan selepas mengaku bersalah atas tuduhan amang seksual dua pelajar di sebuah madrasah di Muar.

FMT Reporters - 09 Jan 2024, 4:21pm

24
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



Mahkamah Sesyen Muar menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan enam sebatan terhadap Habib Yusri Yusof yang mengaku bersalah mencabul dua pelajar di sebuah madrasah di Muar, Johor. (Gambar Reuters)

PETALING JAYA: Seorang warden sebuah madrasah di Muar, Johor dihukum penjara tujuh tahun dan enam sebatan oleh Mahkamah Sesyen Muar atas dua tuduhan melakukan amang seksual terhadap dua pelajarnya pada November dan awal tahun ini.

Hakim Abu Bakar Manat menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh Habib Yusri Yusof, 45, mengaku bersalah atas dua tuduhan tersebut, lapor Harian Metro.


Menurut tuduhan pertama, Habib Yusri didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar berusia 14 pada jam 12 tengah hari, 4 Jan lalu.

Habib Yusri juga didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar warga Rohingya berusia 16 tahun pada jam 7.30 pagi, November tahun lalu.

Kedua-dua kejadian itu berlaku di madrasah tempat tertuduh bekerja.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 16 akta sama yang boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



Mengaku rogol anak tiri, buruh dipenjara 10 tahun, 10 sebatan

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



BURUH dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah merogol anak tiri. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kota Bharu: Seorang buruh dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah merogol anak tiri perempuan bawah umur, pada Jun 2023.

Hakim Nooriah Osman membuat keputusan itu selepas tertuduh yang berusia 32 tahun mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol anak tiri perempuan berusia 13 tahun tujuh bulan ketika kejadian.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad dan tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri memohon hukuman setimpal untuk beri pengajaran dan demi kepentingan awam.

"Kejadian itu memberi kesan kepada mangsa kerana dia masih bersekolah," katanya.

Tertuduh merayu supaya mahkamah mengurangkan hukuman penjara terhadapnya kerana sudah insaf dan berjanji tidak mahu mengulanginya.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun yang bermula dari tarikh tangkap iaitu pada 29 Jun 2023 dan 10 sebatan.

Disiarkan pada: Januari 9, 2024 @ 4:12pm